



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : MPU2012**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)	
BAHAGIAN B (40 Markah)	
BAHAGIAN C (20 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Maksud entreprendre ialah
  - A. merebut peluang.
  - B. kecekalan.
  - C. memikul tugas atau mencuba.
  - D. risiko perniagaan.
2. Apakah maksud perancangan yang sistematik?
  - A. Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah.
  - B. Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
  - C. Merangkumi aspek kehidupan di dunia dan di akhirat.
  - D. Berupaya membahagikan tugas besar kepada tugas-tugas yang kecil.
3. Pernyataan manakah yang berikut **BUKAN** mengenai kepentingan keusahawanan?
  - A. Menggabungkan sumber ekonomi.
  - B. Memberi cabaran kepada orang lain.
  - C. Meningkatkan taraf sosial masyarakat.
  - D. Menggunakan sumber-sumber yang ada secara optimum.
4. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan keperluan?
  - A. Tuntutan semulajadi manusia.
  - B. Berbeza mengikut taraf hidup.
  - C. Sukar dipenuhi dan tidak terhad.
  - D. Dipenuhi supaya hidup lebih selesa.

5. Antara berikut, yang manakah kepentingan etika perniagaan?
- I. Menarik pelaburan.
  - II. Meyakinkan pelanggan.
  - III. Menyahut seruan pihak kerajaan.
  - IV. Merebut peluang yang terdapat di dalam pasaran.
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
6. Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab Encik Aidil Farhan dalam melaksanakan etika amalan perniagaan kepada suatu pihak.

Encik Aidil Farhan, pemilik syarikat Al-Aidil Farhan Sdn.Bhd. di Pekan Panggis. Beliau telah memberi biasiswa kepada dua orang pelajar cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2014.

- Siapakah pilihan tersebut?
- A. Pekerja
  - B. Kerajaan
  - C. Pelaggan
  - D. Masyarakat
7. Mengapa seorang usahawan membuat analisis kawasan persekitaran?
- I. Untuk mengesan peluang perniagaan baharu
  - II. Untuk meningkatkan teknik pengeluaran
  - III. Untuk membuka peluang pekerjaan
  - IV. Untuk meluaskan pasaran
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

8. Pernyataan yang manakah berkaitan tentang kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ?.
- Industri berasaskan sumber
  - Industri komponen automotif
  - Industri komponen elektrik dan elektronik
  - Industri berasaskan logam
9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- **Mudah diurus dan dikawal**
- **Kos penubuhan yang rendah**

- Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?
- Koperasi
  - Perkongsian
  - Milikan tunggal
  - Perbadanan awam
10. Maklumat berikut berkaitan dengan satu cara memulakan perniagaan.

- Pengguna jenama perniagaan mesti mendapatkan kebenaran syarikat induk.
- Peniaga perlu membayar royalti.

- Francais
  - Kedai sejaras
  - Perkongsian
  - Jualan langsung
11. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- Sebuah perniagaan yang berupaya memantau tindakan pesaing.
  - Perniagaan yang mempunyai lokasi yang strategi dan tumpuan orang ramai.
  - Ia adalah proses perkembangan idea untuk dijadikan aktiviti perniagaan yang menguntungkan.
  - Perniagaan yang beroperasi mengikut lunas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan.

12. Pernyataan berikut berkaitan satu cara memulakan perniagaan.

Encik Ahmad telah menyertai sebuah perniagaan milik rakannya kerana kepentingan dalam bidang pengurusan.

Apakah cara memulakan perniagaan tersebut?

- A. Warisan
  - B. Rakan kongsi
  - C. Mengambil alih
  - D. Memulakan sendiri
13. Encik Malik baru membuka sebuah perniagaan percetakan. Dia memperkenalkan perniagaannya dengan mengedarkan maklumat kepada kenalan dan rakan-rakannya. Apakah media pengiklanan yang digunakan?
- A. Poster
  - B. Surat khabar
  - C. *Yellow Pages*
  - D. Kad Perniagaan
14. Oleh sebab teknologi Internet semakin berkembang, ramai peniaga telah mengubah corak perdagangan mereka. Apakah cara yang mereka gunakan dalam Internet tersebut?
- A. e-mel
  - B. e-Ros
  - C. e-dagang
  - D. e-banking
15. Apakah strategi barang yang paling utama dalam pemasaran?
- A. Jenama
  - B. Pembungkusan
  - C. Rekabentuk produk
  - D. Perbezaan barang

16. Apakah nama kementerian yang diwujudkan untuk memberi bantuan teknikal, nasihat, kewangan serta insentif kepada usahawan kecil dan sederhana tempatan?
- Kementerian Kewangan
  - Kementerian Pembangunan Wanita
  - Kementerian Pembangunan Usahawan
  - Kementerian Koperasi dan Kepenggunaan
17. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi memulakan perniagaan sendiri?
- Teknologi baru
  - Sumber manusia
  - Pemilihan lokasi yang baik
  - Perniagaan baru yang belum ada di pasaran
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
18. Yang manakah antara berikut alasan seseorang menjual sesbuah perniagaannya?
- Ingin membuka cawangan baru
  - Perniagaan tidak menguntungkan
  - Tidak mahu menanggung kerugian
  - Ingin mengembangkan perniagaannya
19. Manakah di antara berikut merupakan elemen strategi pemasaran (4P)?
- Product* (barang)
  - Price* (Harga)
  - Penjenamaan
  - Pembungkusan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

20. Apakah kepentingan pembungkusan produk dalam strategi pemasaran?

- A. Dapat menaikkan imej dan reputasi perniagaan
- B. Dapat meningkatkan penggunaan barang tersebut
- C. Dapat menarik perhatian pelanggan untuk membeli produk
- D. Dapat meningkatkan jumlah pembelian dikalangan pelanggan

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

1. Huraikan definisi usahawan. (2 markah)
2. Mengapakah perniagaan yang baru diceburi seringkali menemui kegagalan? (4 markah)
3. Seseorang individu boleh di latih untuk menjadi seorang usahawan. Bincangkan? (5 markah)
4. Jelaskan, adakah kreativiti berkaitan dengan inovasi? (4 markah)
5. Pada pendapat anda, apakah pekerjaan yang memerlukan kreativiti berserta contoh? (3 markah)
6. Terangkan secara ringkas **DUA (2)** tujuan menulis rancangan perniagaan? (4 markah)
7. Terangkan perbezaan di antara perniagaan milikan tunggal dan perkongsian? (4 markah)
8. Kenalpasti **EMPAT (4)** komponen utama Rancangan Perniagaan. (4 markah)
9. Terangkan maksud keperluan dan kehendak berserta contoh? (4 markah)
10. Terangkan **TIGA (3)** langkah mengenalpasti sasaran pasaran? (6 markah)

[40 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Maklumat berikut menunjukkan ringkasan biodata Encik Ikmal Hakimi.

**Nama:** Encik Ikmal Hakimi

**Pengalaman:**

- Empat tahun bekerja sebagai pembantu pengeluaran biskut dan kerepek di Kilang Kerepek Mesra.
- Tiga tahun bekerja sebagai pembantu Juruteknik di Kilang Proton Tanjung Malim, Perak.
- Setahun bekerja sebagai penolong pengurus jualan di pasar raya Giant.

**Kejayaan:**

Setelah mempunyai pengalaman yang mencukupi, Encik Ikmal dan rakannya Zulhanafi berjaya membuka Restoran Makanan Laut Zul & Ikmal.

- a. Nyatakan jenis perniagaan yang ditubuhkan oleh Encik Ikmal. (1 markah)
- b. Apakah ciri-ciri yang menarik hati Encik Ikmal untuk membuka perniagaan tersebut berbanding dengan perniagaan milikan tunggal? (4 markah)
- c. Pada pandangan anda, mengapa Encik Ikmal tidak membuka perniagaan sebaik sahaja tamat pengajian? (5 markah)

**SOALAN 2**

Era tahun 2000 hangat memperkatakan tentang kreativiti dan inovasi. Kerajaan Malaysia turut memberi galakan dan penekanan kepada masyarakat usahawan agar menyedari keperluan sains dan teknologi yang boleh menjana peluang dan meningkatkan kreativiti dan inovasi. Usahawan yang kreatif dan berinovasi mempunyai peluang yang lebih baik dan mendapat kelebihan bersaing di pasaran.

- a. Nyatakan **EMPAT (4)** halangan untuk menjadi kreatif. (4 markah)
- b. Apakah jenis-jenis inovasi? Terangkan berserta dengan contoh bagi setiap jenis inovasi?. (6 markah)

**[20 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

